

20 MAY 1998

KAKITANGAN AWAM BOLEH SUMBANG KEPADA DANA KHAS

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersetuju agar kakitangan sektor awam Kumpulan B Biasa dan ke bawah menyumbang RM10 atau satu peratus daripada bonus mereka kepada Dana Khas Negara, demikian menurut satu pekeliling kerajaan.

Mereka merupakan kakitangan Kumpulan Sokongan 1 dan 2 yang sebelum ini tidak terbabit dengan pemotongan elaun bulanan yang melibatkan kakitangan Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa) iaitu Kumpulan B Kanan dan ke atas.

Persetujuan mengenai perkara ini terkandung dalam pekeliling daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Dr Aris Othman semalam kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

Presiden Cuepacs, Abdul Aziz Mohd Sultan berkata cadangan mengenai pemotongan itu dikemukakan oleh Cuepacs kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara baru-baru ini.

Dengan persetujuan JPA itu, kerajaan menerusi Perbendaharaan telah mengarahkan semua ketua setiausaha dan ketua jabatan terbabit supaya menjalankan kutipan mulai sekarang sehingga 30 Jun, kata Abdul Aziz dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut beliau, sebanyak 200,000 kakitangan sektor awam terbabit dalam pemotongan ini dengan kutipan dianggarkan RM50 juta.

"Cuepacs berharap semua anggota terbabit akan memberi kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan pungutan ini kerana ianya merupakan sumbangan murni mereka untuk membantu negara yang dilanda kegawatan ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

RA MAI